

16 JUL 1996

PM-Dollah

M'SIA AKAN JALANKAN KAJIAN KES BAGI PEMBANGUNAN KYRGYZTAN

Oleh: Rachman Norodin

BISHKEK, 16 Julai (Bernama) -- Malaysia akan melaksanakan dan membiayai satu kajian kes terhadap semua aspek di Kyrgyztan untuk mengenalpasti bidang-bidang kerjasama dua hala secara berkekalan berbanding secara ad-hoc sekarang, kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi di sini, hari ini.

Cadangan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengunjungi presiden Kyrgyztan, Askar Akayev pada hari kedua lawatan rasmi beliau ke sini.

"Presiden Akayev yang menyambut baik cadangan itu menyifatkan ia sebagai praktikal dan merupakan satu sumbangan berharga dari Malaysia kerana ia akan memberikan banyak faedah kepada republik Kyrgyz," kata Abdullah di sidang berita bersama dengan rakan sejawatannya, Puan Rosa Otunbayeva.

Menurut Abdullah, tawaran bagi menjalankan kajian kes itu yang dibuat di peringkat kerajaan-kepada-kerajaan, merupakan yang pertama seumpamanya dibuat oleh Dr Mahathir kepada mana-mana negara.

Perbincangan mengenai kajian itu akan dijalankan segera sekembalinya Dr Mahathir ke Kuala Lumpur selepas melawat dua buah negara Asia Tengah -- Kyrgyztan dan Kazakhstan, minggu ini.

Kajian yang dicadangkan itu akan merangkumi aspek-aspek politik, sistem pentadbiran dan perundangan, potensi ekonomi dan aspek-aspek pembangunan lain di republik Kyrgyz.

"Dr Mahathir berpendapat dengan mengambil kira keluasan Republik Kyrgyz dan jumlah penduduknya kajian seumpama itu pasti akan dijalankan," katanya.

Abdullah berkata Dr Mahathir mendapati kajian seperti itu dengan menggunakan Malaysia sebagai model bagi pembangunan di Republik Kyrgyz akan membuktikan bahawa kejayaan Malaysia dalam pembangunan bukan secara kebetulan tetapi telah dirancang dengan teliti.

Presiden Akayev pula yakin kajian seumpama itu akan membuka laluan pengembangan hubungan dua hala akan menjadi kenyataan, kata Abdullah.

Menjawab pertanyaan pemberita, Abdullah berkata sektor swasta Malaysia juga akan terlibat dalam kajian itu dan kerjasama antara Unit Perancang Ekonomi Malaysia dan agensi serupa di Kyrgyztan adalah menyeluruh.

+Skop kerjasama antara mereka akan lebih teratur dan peranan Malaysia dalam pembangunan Kyrgyztan akan menjadi lebih bermakna dan terjamin,+ kata Abdullah.

Abdullah berkata perkara utama dalam pertemuan Dr Mahathir dan Presiden Akayev ialah upacara menandatangani perisytiharaan bersama yang menggariskan pentingnya hubungan dua hala Malaysia-Kyrgyztan yang terjalin sekarang dan hubungan masa depan.

Kedua-dua pemimpin juga mengenalpasti empat bidang kerjasama iaitu sektor perlombongan, pelancongan, perkilangan dan pertanian dan memproses makanan, katanya.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir dianugerahkan gelaran profesor kehormat oleh Universiti Kebangsaan Kyrgyztan dan kemudian dibawa melawat Pusat Kardiologi, Musium Seni Halus dan kompleks sejarah Manastyn Aiyuli.

-- BERNAMA

RN OBA